

aab.

EAEC MULA DITERIMA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata peniaga dan pegawai Jepun mula menunjukkan minat mendalam terhadap Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

Katanya, perkembangan ini menggalakkan memandangkan 'seketika dahulu mereka tidak begitu berminat mengenai cadangan itu.

+Peniaga dan pegawai Jepun nampaknya ingin mengetahui dengan lebih mendalam mengenai EAEC. Ini adalah sesuatu yang baik, + katanya pada persidangan akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa di Subang sekembalinya dari lawatan tidak rasmi ke Jepun petang ini.

Dr Mahathir, yang tiba bersarna dengan isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali disambut 'oleh Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Napsiah Omar serta Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid,.

Perdana Menteri berkata, semasa di Jepun beliau menyampaikan satu ucapan kepada ahli perniagaan dan diplomat mengenai pandangan Malaysia terhadap pelbagai masalah antabangsa termasuk EAEC.

Katanya sebuah akhbar perniagaan terbesar di Jepun; Nihon Keizan Shimbun mengadakan temuramah dengannya dan ditanya dengan panjang lebar mengenai EAEC. -- Bernama

▼21/10/17-16MST